

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

25
OCT

USM RANGKUL MAJORITI ANUGERAH MINGGU ALAM BINA 2015

IMG 7359

PULAU PINANG, 25 Oktober 2015 - PP Perumahan, Bangunan dan Perancangan (PPPBP) Universiti Sains Malaysia (USM) melalui pasukan Seni Bina HYDRA merangkul pelbagai anugerah pada Minggu Alam Bina (MAB) tahun 2015 (27th Architectural Student Workshop) di LimKokWing University of Creative Technology, Cyberjaya pada 21 hingga 25 Oktober 2015.

Dekan PPPBP, Profesor Aldrin Abdullah berkata, ini adalah kejayaan cemerlang USM kerana acara ini disertai oleh 15 buah institusi pendidikan yang menawarkan kursus Seni Bina.

"Amat manis sekali apabila USM memenangi anugerah reka bentuk dan merangkul pelbagai anugerah lain," katanya.

Tambah Aldrin, pada tahun hadapan, pertandingan ini akan dianjurkan dan diadakan di USM yang akan mengumpulkan lebih kurang 700 orang peserta yang bertemakan MATRA.

Aldrin berterima kasih kepada Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Omar Osman yang banyak memberi dorongan dan sokongan untuk pertandingan ini.

IMG 7356

Sementara itu, Penyelaras Delegasi USM ke 'Minggu Alam Bina 2015' / '27th Architectural Student Workshop', Dr. Mazran Ismail menganggap kejayaan ini adalah hasil kerja berpasukan yang kuat di antara 35 orang pelajar dan pensyarah Seni Bina, termasuk Dekan PPPBP sendiri dalam memastikan delegasi USM kali ini cukup bersedia sebelum menyertai pertandingan yang menjadi tradisi tahunan bagi pelajar-pelajar Program Seni Bina di Malaysia ini.

"Ia juga menggambarkan semangat berterusan Pusat Pengajian PBP dalam menjadikan Program Seni Binanya bukan sahaja antara yang terbaik di Malaysia, malah juga serantau," tambah pensyarah di PPPBP itu.

Penerima anugerah pada Minggu Alam Bina dari USM ialah bagi Pertandingan Fotografi Tempat Kedua, Seni Instalasi Tempat Ketiga, Pertandingan Rekabentuk (LAM Bahagian 1) Tempat Pertama, Pertandingan Rekabentuk (LAM Bahagian 2) Tempat Pertama dan Kedua, Persembahan Tempat Ketiga, Fesyen Tempat Ketiga dan Anugerah Kepimpinan diperolehi oleh pelajar tahun 2, Muhammad Zahiruddin bin Abd Mutalib.

Teks : Hafiz Meah Ghouse Meah
Foto : Ahli Delegasi USM ke MAB 2015



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015